

18 JUL 1998

Mokhtar-Lebuhraya

LALUAN LEBUH RAYA PANTAI TIMUR SUDAH DITENTUKAN

KUALA TERENGGANU, 18 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata, kerajaan negeri telah mengenal pasti laluan projek Lebuhraya Pantai Timur dari Karak di Pahang ke Chendering di Terengganu dan kini dalam proses pengukuran tanah.

Beliau berkata, laluan-laluan itu meliputi dari Cendering ke Bukit Payong, Ajil, Bukit Besi sebelum diteruskan ke Jabor yang bersempadan dengan Pahang (Kuantan).

"Kita tidak ada masalah mengenai proses pengambilan tanah kerana kebanyakan tanah yang digunakan untuk laluan itu adalah tanah kerajaan," katanya kepada pemberita selepas majlis hari Q, Yayasan Islam Terengganu hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memastikan jumlah tanah milik orang ramai yang terlibat dalam projek itu kerana ia dalam proses pengukuran.

Lebuhraya sepanjang 336km itu melibatkan kos pembinaan RM3 billion dan dijangka dimulakan penghujung tahun ini. Konsensi pembinaan itu diserahkan kerajaan kepada satu konsortium yang diketuai oleh Malaysian Mining Corporation (MMC).

Ia dijangka siap dalam tempoh tiga tahun dan akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di koridor pantai timur terutama di Terengganu sendiri.

Semalam Menteri Kerja Raya, Datuk Sri S.Samy Vellu berkata kerajaan telah menerima cadangan pembinaan lebuhraya itu secara serentak yang dikemukakan oleh Wan Mokhtar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan Unit Perancang Ekonomi (UPEN) menjalankan siasatan mengenai cadangan itu.

Wan Mokhtar berkata beliau telah berbincang dengan pihak MMC semasa di Kuala Lumpur baru-baru ini berkenaan pembinaan LPT itu dan bersetuju untuk memulakan pembinaan projek di kedua-dua negeri iaitu Karak di Pahang dan Chendering di Terengganu.

Selain itu, katanya, pihak kerajaan negeri juga bersedia mengesyorkan pihak Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) untuk mengambil bahagian sebagai kontraktor dalam pembinaan itu kerana ia boleh membekalkan batu-batu granit untuk proses pembinaan jalan itu.

"Usaha ini untuk meringankan beban yang bakal ditanggung oleh pihak pemaju dalam keadaan kegawatan sekarang," katanya.

Terdahulu, Wan Mokhtar berkata peranan Yayasan Islam dalam konteks membangunkan manusia dengan nilai-nilai Islam adalah satu tugas besar. Ia seharusnya diorientasikan dengan kerja yang bersungguh-sungguh dan bukan sambil lewa.

Soal membentuk bangsa dan generasi pewaris adalah persoalan besar yang menentukan hidup matinya generasi dan bangsa di masa akan datang.

-- BERNAMA

IB PR